

## Negara disenaraikan pada kedudukan pertama hasil pelbagai program yang dirangka

# Ekonomi Malaysia unggul di Asia

Oleh RASDAN AHMAD

**KUALA LUMPUR** – Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia telah disenaraikan pada kedudukan pertama negara ekonomi baharu muncul bagi keterangkuman di Asia berdasarkan laporan terkini Forum Ekonomi Dunia.

Perdana Menteri percaya kejayaan itu adalah hasil pelbagai program yang telah dirangka dan dilaksanakan oleh kerajaan pimpinannya bertujuan memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhan.

“Kami telah menyediakan ratusan ribu rumah mampu milik, membantu golongan berpendapatan rendah, perkhidmatan perubatan yang sangat murah menerusi Klinik 1Malaysia.

“Bukan itu sahaja, penge-

cualian Cukai Barang dan Perkhidmatan terhadap barangan makanan asas, kursus latihan serta insentif perniagaan terutamanya kepada perusahaan kecil dan sederhana yang merupakan tulang belakang ekonomi negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Forum Bandar Sedunia Ke-9 (WUF9) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini semalam.

Turut hadir Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar dan Pengarah Eksekutif di UN-Habitat, Datuk Maimunah Mohd. Sharif.

Tambah Najib, kesediaan negara untuk menjadi tuan rumah terhadap forum tersebut mencerminkan komitmen Malaysia kepada dunia

dalam aspek pembangunan bandar yang mampan dan sejahtera.

“Melalui forum ini, para peserta akan memperoleh faedah dan amalan terbaik dalam membangunkan bandar ke arah memenuhi matlamat ‘New Urban Agenda’ pada tahun 2036,” jelasnya.

WUF9 merupakan forum yang pertama diadakan selepas Forum Pembangunan Bandar Mampan (HABITAT III) di Quito, Ecuador pada 2016 yang merupakan persidangan perundangan global untuk mengkaji dan menentukan agenda bandar ke arah masa depan yang lebih baik.

Kuala Lumpur merupakan tuan rumah kedua bagi WUF9 tahun ini dan merupakan bandar kedua di Asia selepas Nanjing, China pada 2008.



NAJIB (kanan) menerima cenderamata daripada Maimunah selepas merasmikan WUF9 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur semalam. Turut kelihatan Noh (dua dari kanan).